

13 JUN 1998

Ghafar-menteri

BERSATU PADU HADAPI KEGAWATAN EKONOMI, KATA GHAFAR BABA

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba hari ini menasihati jemaah menteri supaya bersatu padu dalam menangani sebarang masalah terutamanya ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi.

"Saya menyeru bukan sahaja rakyat tetapi juga para jemaah menteri supaya bersatu padu dalam menghadapi masalah ini," katanya selepas perjumpaan antara kira-kira 300 orang veteran Umno dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Tan Sri Musa Hitam, Tan Sri Khir Johari, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Tan Sri Aishah Ghani ialah antara anggota veteran yang hadir pada perjumpaan itu.

Ghafar berkata jika ada seorang menteri yang tidak puas hati mengenai sesuatu perkara, menteri berkenaan perlu membawanya ke mesyuarat kabinet untuk diputuskan dan dipatuhi.

"Inilah yang dipanggil tanggungjawab bersama," katanya.

Bekas Timbalan Presiden Umno itu turut mengingatkan bahawa perpecahan akan memburukkan lagi keadaan ekonomi kini muram.

Ghafar berkata sebuah jawatankuasa penerangan veteran Umno akan ditubuhkan untuk mengadakan perjumpaan dan kempen penerangan mengenai isu-isu semasa terutama ekonomi di kalangan masyarakat desa.

"Veteran bercampur gaul dengan orang kampung dan sebagai orang lama, mereka boleh membantu menerangkan mengenai sesuatu perkara termasuk masalah ekonomi yang melanda," katanya yang akan mempengerusikan jawatankuasa lima anggota itu.

Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah pula berkata kempen penerangan itu akan dilaksanakan dengan mudah dan tidak memerlukan penglibatan tenaga yang besar.

Beliau berkata perjumpaan seperti hari ini perlu diadakan lagi dengan Perdana Menteri dan mencadangkan supaya ia dibuat dalam masa yang lebih lama bagi membolehkan mereka menyampaikan pendapat.

Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamad Yaacob pula berkata kegawatan ekonomi seharusnya menjadi cabaran yang boleh menguatkan lagi semangat orang Melayu.

"Kita juga harus menolong kerajaan kerana banyak sangat tohmahan yang mengatakan kerajaan tak buat kerja dan sebagainya," katanya mengulas mengenai kempen penerangan yang akan dijalankan oleh veteran Umno itu.

-- BERNAMA

HJ NAK